



Auladuna

2025(UP)600-002/042(51)

KENALI SIFAT



MAHMUDAH

MАЗMUMAH

Mu'jizat Nabi Ibrahim 'alaihissalam 6

Jabal Rahmah 9

*Empat Sifat Rasulullah Shallallahu 'alaiki
wa Sallam 10-11*

Cara Meninggalkan Sifat Mazmumah 14

Kandungan Auladuna

3 Kalam Auladuna

4 Asma'ul Husna

5 Pengenalan Surah

6 Mujizat Nabi

7 Belajar Bahasa Arab

8 Asah Minda

9 Tempat Sejarah Islam

10 Info Auladuna

11 Info Auladuna

12 Amar Ma'ruf

13 Nahi Mungkar

14 Ingin Tahu

15 Sambung Jawi

16 Baca dan Salin Semula

17 Sesuai dan Padankan

18 Kenali Masjid

19 Benda Tersembunyi

20 Doa

Anggota Redaksi

Ketua Editor

Hajah Ruzaimah binti Haji Ibrahim

Penolong Ketua Editor

Qairunnisa binti Haji Jalil

Penyelaras

Rokiah binti Haji Mohamad Serudin

Pemasaran

Hajah Margawati binti Abd. Rahman
Nurul Nabilah binti Masri

Pembantu Penyelaras

Hajah Ratna Wati binti Haji Abd. Karim

Md. Zelihan bin Ahad

Azizah binti Hidup

Dahlan bin Chuchu

Pg. Yusdi bin Pg. Rumbl

Haji Muhammad Aminuddin bin Haji Jamaluddin

Atur Huruf dan Reka Bentuk

Suriati Haji Ali Hussin

SIFAT MAHMUDAH DAN SIFAT MAZMUMAH

السلام عليكم ورحمة الله وبركاته

Tahukah adik-adik maksud sifat *mahmudah* dan sifat *mazmumah* itu?

Sifat *mahmudah* ialah sifat yang mulia yang patut dimiliki oleh setiap manusia seperti sentiasa bersyukur, redha, sabar, tawakkal, berzikir, *tawadhu'*, menghormati orang lain, pengasih, penyayang dan sebagainya.

Manakala sifat *mazmumah* ialah sifat yang dikeji dan dibenci oleh Allah *Subhanahu wa Ta'ala* seperti sompong, iri hati, dengki, tamak, hasad, *takabbur*, *ghibah* dan sebagainya.

Seorang muslim yang memiliki sifat *mahmudah* akan menjaga tutur kata dan perbuatannya dalam kehidupan sehari-hari. Setentunya yang memiliki sifat ini akan sentiasa disayang Allah *Subhanahu wa Ta'ala*.

Manakala siapa yang bersifat *mazmumah* pula akan merugikan diri sendiri dan orang lain, serta mendatangkan dosa yang berpanjangan dan pastinya dimurkai Allah *Subhanahu wa Ta'ala*.



ASMA'UL HUSNA



AL-WALIY

Yang Maha Pelindung

“...Dan cukuplah Allah sebagai Pelindung dan cukuplah Allah sebagai Penolong.”

(Terjemahan makna ayat surah an-Nisaa': 45)

Al-Waliy bermaksud Pelindung dan merupakan salah satu nama daripada asmaa'ul husnaa bagi Allah Subhanahu wa Ta'ala.

Berdoa kepada Allah Subhanahu wa Ta'ala dan berzikir dengan menggunakan nama-nama Allah merupakan perintah Allah sebagaimana firman-Nya yang terjemahan makna ayat 180, surah al-A'raaf:

“Dan bagi Allah al-Asmaa'ulhusnaa (dengan nama-nama yang baik lagi mulia) maka bermohonlah dengan berdoa kepada-Nya dengan menyebut nama-nama itu.”

Berdoa dan berzikir dengan nama-nama Allah adalah bagi memohon dan mengharapkan perlindungan daripada sebarang keburukan dan musibah.





سُورَةُ الْقَلْمَنْ

SURAH AL-QALAM

- Merupakan surah ke 68 dan mengandungi 52 ayat.
- Surah ini bermula dengan sumpah atas nama *qalam* sebagai memuliakannya di samping menafikan toh�ahan golongan musyrikin dan dakwaan bathil mereka serta penegasan bahawa Nabi Muhammad Shallallahu 'alaihi wa sallam adalah seorang yang berakhlik mulia.
- Allah Subhanahu wa Ta'ala menyifatkan nasib malang kaum musyrikin Mekah sama seperti nasib pemilik kebun yang kebun mereka musnah disebabkan kufur terhadap ni'mat Allah dan azam untuk tidak menunaikan hak golongan fakir miskin.
- Memaparkan perilaku dan sikap golongan musyrikin di dunia dan peringatan Allah mengenai balasan yang disediakan untuk mereka di akhirat.
- Mengenai perintah Allah Subhanahu wa Ta'ala kepada Nabi Muhammad Shallallahu 'alaihi wa sallam agar terus bersabar menghadapi kerena kaum musyrikin sekali gus tidak berasa jemu dan gusar dalam menyampaikan da'wah.





NABI IBRAHIM 'ALAIHISSALAM

Penduduk negeri Harran adalah kaum musyrikin penyembah bintang dan berhala. Nabi Ibrahim 'alaihissalam terpilih menjadi hamba Allah Subhanahu wa Ta'ala untuk menghapuskan kesyirikan tersebut dan menghilangkan kebatilan-kebatilan yang sesat. Baginda diangkat menjadi Rasul, dan Allah Subhanahu wa Ta'ala memilihnya sebagai kekasih-Nya.

Nabi Ibrahim telah dijatuhkan hukuman oleh Raja Namrud, di mana dia akan dibakar hidup-hidup dalam api yang besar. Ini merupakan salah satu kisah yang penting di dalam al-Qur'an. Raja Namrud memerintahkan supaya tiap-tiap orang membawa seberkas kayu api dan melonggokkan kayu api tersebut untuk membakar Nabi Ibrahim 'alaihissalam.

Kaumnya lantas melemparkan Nabi Ibrahim 'alaihissalam ke dalam timbunan kayu bakar yang tinggi, kemudian Allah Subhanahu wa Ta'ala berfirman:

..."Hai api! Jadilah engkau sejuk serta selamat sejahtera kepada Ibrahim!"

(Terjemahan makna ayat surah al-Anbiyya': 69)

Nabi Ibrahim tetap tabah dan tenang, kerana dadanya telah dipenuhi dengan iman. Baginda rela menghadapi segala apa jua dugaan demi menegakkan agama Islam dan menyerahkan segala perkara kepada Allah Subhanahu wa Ta'ala.

Semua binatang-binatang yang melata di muka bumi ini cuba memadamkan api yang membakar Nabi Ibrahim 'alaihissalam kecuali cicak.

Aakhirnya apabila api telah padam dan kayu menjadi abu, maka orang ramai merasa takjub apabila mendapati Nabi Ibrahim 'alaihissalam selamat dengan tidak terkesan oleh api besar tersebut.



BELAJAR BAHASA ARAB



البَيْاعُ
Penjual



الْمُشْتَرِي
Pembeli

وَعَلَيْكُمُ السَّلَامُ. أَهْلاً وَسَهْلاً،
مَاذَا تُرِيدُ؟

Waalaikumsalam, Selamat datang,
apa yang awak mahu?



بِخَمْسَةِ رِنْجِيتٍ.
Lima ringgit.



بِرْبِحِيتَيْنِ. هَلْ تُرِيدُ شَيْئاً آخَرَ؟
Dua ringgit. Adakah awak
memerlukan sesuatu yang lain?



عَفْوًا.
Sama-sama.



السَّلَامُ عَلَيْكُمْ.
Assalamualaikum.



أَرِيدُ الدَّفْتَرَ. بِمَاكِمْ السِّعْرُ؟
Saya mahu sebuah buku tulis.
Berapakah harganya?



أَشْتَرِي الدَّفْتَرَيْنِ، وَبِمَاكِمْ الْقَلْمَنْ؟
Saya mahu beli dua buah buku tulis,
dan berapa harga pen itu?



لَا، شُكْرًا.
Tidak, terima kasih.



Cari nama sifat-sifat Mahmudah dan Mazmumah

صبر اخلاص شکور توکل محبه رضا قلائیہ درماون
پنچل مارہ سومبوع

ف	ع	ر	ث	ل	و	ب	ي	د
غ	د	غ	ر	ب	ص	ذ	ا	ض
ا	ج	ب	ص	لا	خ	ا	ق	ك
س	ع	ق	ج	ب	ر	ك	ب	و
ي	ق	ن	ي	ت	ا	ه	ي	ر
ه	ي	ه	ر	ا	م	ب	لا	ش
ه	ت	ه	س	ت	ح	ف	ب	ب
ب	و	و	و	ر	ب	ص	ه	ث
ا	ك	ء	م	ب	ه	ب	ب	ح
خ	ل	س	ب	م	ش	ة	ر	خ
لا	ب	ن	و	ي	ل	و	د	م
ص	ف	ر	غ	ر	و	ك	ش	ل

Jabal Rahmah

Jabal Rahmah adalah sebuah bukit yang terletak di Arafah, Mekah, Arab Saudi. Bukit ini terletak lebih kurang 25 kilometer dari kota Mekah dan memiliki nilai sejarah yang penting dalam agama Islam. Jabal Rahmah secara harfiah bererti “Bukit Kasih Sayang” dalam bahasa Arab. Jabal Rahmah adalah tempat di mana Nabi Adam ‘alaihissalam dan Hawa bertemu setelah mereka diusir dari syurga kerana mereka telah melanggar perintah Allah Subhanahu wa Ta’ala. Di tempat inilah mereka memohon keampunan dari Allah Subhanahu wa Ta’ala dan dipertemukan kembali setelah hidup terasing dan terpisah. Oleh kerana itu, bukit ini memiliki nilai simbolik sebagai tempat bermohon pengampunan.

Jabal Rahmah juga dikaitkan dengan peristiwa penting dalam sejarah Islam. Di bukit ini, Nabi Muhammad Shallallahu ‘alaihi wa sallam memberikan ucapan perpisahannya kepada umat Islam pada tahun 632 Masihi, iaitu setelah selesai melaksanakan Haji Wada’ (Haji Perpisahan). Ucapan tersebut dikenal sebagai Khutbah Wada’ atau Ucapan Perpisahan. Di sinilah Nabi Muhammad Shallallahu ‘alaihi wa sallam menyampaikan pesanan-pesanan penting kepada para pengikutnya.



EMPAT SIFAT WAJIB RASULULLAH

Rasulullah *Shallallahu 'alaihi wa sallam* merupakan seorang nabi dan rasul yang memiliki sifat-sifat mahmudah iaitu perilaku dan akhlak yang sangat mulia, yang amat bersopan santun dalam bertutur kata, jujur, tidak pernah berdusta serta luhur budi pekertinya.

Sebagai orang yang beriman sewajarnya kita pelajari empat sifat wajib Rasulullah iaitu *Shidiq*, *Amanah*, *Tabligh* dan *Fathanah*.

Shidiq ertiinya benar. Benar adalah sifat mulia yang menghiasi akhlak Rasulullah yang selalu dijaga oleh Allah *Subhanahu wa Ta'ala* sehingga bukan sahaja perkataannya yang benar malah perbuatannya juga benar.

Amanah bermaksud benar-benar boleh dipercayai. Rasulullah sangat dipercayai oleh penduduk Mekah sehingga baginda digelar *al-Amiin* yang bermaksud ‘Orang yang dipercaya’. Segala yang diucapkan atau dikatakan baginda akan dipercayai dan diyakini kerana baginda terkenal sebagai seorang yang tidak pernah berdusta.



SHALLALLAHU 'ALAIHI WA SALLAM

Tabligh ertinya menyampaikan. Rasulullah akan menyampaikan segala yang diwahyukan oleh Allah kepadanya, untuk memberi peringatan, membimbing umat kepada kebaikan demi mencapai kebahagiaan dunia dan akhirat. Tidak ada satu pun yang disembunyikan walaupun ianya menyinggung perasaan baginda sendiri.

Fathanah bererti bijaksana. Mustahil bagi seorang rasul itu memiliki sifat jahil. Betapa bijaksananya Rasulullah dengan memiliki daya ingatan yang sangat kuat dalam menghafal firman-firman yang disampaikan Allah kepadanya. Baginda juga berkemampuan memecahkan masalah yang dihadapi umatnya dengan kebijaksanaan yang dimilikinya.

Marilah kita serapkan empat sifat Rasulullah Shallallahu 'alaihi wa sallam ini ke dalam kehidupan kita demi mendapat keredhaan Allah Subhanahu wa Ta'ala juga.



PERINTAH SENTIASA MEMBERI KEMAAFAN

وَلَا يَأْتِي أُولُو الْفَضْلِ مِنْكُمْ وَالسَّعَةُ أَنْ يُؤْتِنُوا أُولَى الْقُرْبَى وَالْمَسَاكِينَ
وَالْمُهَاجِرِينَ فِي سَبِيلِ اللَّهِ وَلَيَعْفُوا وَلَيَصْفُحُوا لَا تَحْبُّونَ أَنْ يَغْفِرَ اللَّهُ
لَكُمْ وَاللَّهُ عَفُورٌ رَّحِيمٌ ﴿٦٦﴾

Mafhumnya:

Dan janganlah orang-orang yang mempunyai kelebihan dan mempunyai kejayaan di kalangan kamu bersumpah (tidak) akan memberi (bantuan) kepada kaum kerabat dan orang-orang miskin serta yang berhijrah pada jalan Allah dan hendaklah mereka memaafkan serta membiarkan (melupakan kesalahan mereka), tidakkah kamu suka supaya Allah mengampunkan dosa kamu? Dan Allah Maha Pengampun lagi Maha Pengasih.

(Surah an-Nuur: 22)

LARANGAN BERPECAH BELAH DAN BERSELISIH FAHAM

وَلَا تَكُونُوا كَالذِّينَ تَفَرَّقُوا وَخَلَفُوا مِنْ بَعْدِ مَا جَاءَهُمُ الْبَيِّنَاتُ
وَأُولَئِكَ لَهُمْ عَذَابٌ عَظِيمٌ ﴿١٥﴾

Mafhumnya:

Dan janganlah kamu menjadi seperti orang-orang (Yahudi dan Nasrani) yang telah berpecah belah dan berselisih (dalam agama mereka) sesudah datang kepada mereka bukti-bukti yang nyata. Dan mereka (yang bersifat demikian) itu beroleh azab yang besar.

(Surah Aali-'Imraan: 105)



INGIN TAHU

CARA MENINGGALKAN SIFAT MAZMUMAH

- Sentiasa mengamalkan sifat *mahmudah* dan menjauhi sifat *mazmumah*.
- Sentiasa muhasabah diri supaya terhindar dari sifat *mazmumah*.
- Sentiasa mengawal keinginan nafsu yang suka akan kemegahan dunia seperti harta, pangkat dan jawatan.
- Sentiasa berzikir kepada Allah Subhanahu wa Ta'ala untuk menyucikan jiwa seperti beristighfar dan bertasbih.
- Mencontohi akhlak mulia para rasul dan sahabat dalam kehidupan.
- Sentiasa bersahabat dengan rakan yang berakhlik mulia agar sentiasa istiqamah melakukan sifat *mahmudah*.

HIKMAH MENINGGALKAN SIFAT MAZMUMAH

- Membentuk akhlak mulia kerana menghindarkan diri daripada larangan Allah Subhanahu wa Ta'ala.
- Memperkuuh ketenangan hidup kerana menjaga hubungan sesama manusia.
- Mendidik jiwa supaya sentiasa tunduk kepada kekuasaan Allah Subhanahu wa Ta'ala.
- Memartabatkan imej Islam sebagai contoh terbaik dalam membangunkan modal insan.

SAMBUNG JAWI

SILA ADIK-ADIK SAMBUNG EJAAN
JAWI BERIKUT

ظاليم

مذمومه

محموده

طاعة

عادل


إحسان



BACA DAN SALIN
SEMULA



فطانه تبليغ امانه صديق



SESUAI
DAN PADANKAN

SILA ADIK-ADIK SESUAI DAN PADANKAN SIFAT-SIFAT
MAHMUDAH DAN MAZMUMAH DI KOTAK BERIKUT:

MAHMUDAH

TAMAK
DERMAWAN
BERDUSTA
IKHLAS
MARAH
BERSYUKUR
HASAD
REDHA
BAKHIL
TAUBAT
CINTAKAN HARTA
SABAR
BANGGA DIRI
TAWAKKAL

MAZMUMAH




KENALI MASJID

MASJID AS-SALAM KAMPONG JUNJONGAN



Masjid ini dibuka rasmi oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaullah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-pertuan Negara Brunei Darussalam pada 6 Disember 2024.



Masjid As-Salaam, Kampong Junjongan dibina di atas sebidang tanah berkeluasan lebih kurang tiga ekar dan merupakan masjid ketiga menggunakan peruntukan perbelanjaan dari Tabung Dana bagi Pembinaan Masjid Negara Brunei Darussalam dengan jumlah BND5.2 juta.

Masjid ini mempunyai kapasiti untuk menampung lebih kurang 1,600 orang jemaah.



Antara kemudahannya ialah seperti tandas dan tempat berwudhu' termasuk tandas dan tempat berwudhu' bagi orang kelainan upaya (OKU). Selain itu, masjid ini dilengkapi dengan bilik serbaguna, bilik pengurusan jenazah dan tempat letak kereta termasuk tempat letak kereta khusus untuk OKU.

BENDA TERSEMBUNYI



Cuba adik-adik cari benda yang terdapat dalam bilik darjah ini.



DOA MOHON AGAR DIKURNIAKAN CAHAYA DAN KEAMPUNAN

رَبَّنَا آتِنَا نُورًا وَأْغْفِرْ لَنَا إِنَّكَ عَلَى كُلِّ شَيْءٍ قَدِيرٌ ﴿٨﴾

Mafhumnya:

... Ya Tuhan kami! Sempurnakanlah bagi kami cahaya kami dan ampunilah kami, sesungguhnya Engkau Maha Berkuasa atas tiap-tiap sesuatu.

(Surah at-Tahriim: 8)

